

BERCUKUR

Disunnahkan mencukur rambut bayi pada hari ke-tujuh kelahiran. Ini seperti yang diajarkan oleh Nabi SAW: "Setiap anak itu tergadai dengan aqiqahnya, disembelih haiwan aqiqah untuknya pada hari ke-tujuh dan pada hari itu juga dia diberi nama serta rambut kepalanya dicukur.

(HR Ahmad no 20083)

MENGURUS URI

Secara umumnya semua anggota badan manusia yang terpotong dari jasad perlu dikembalikan ke tanah sebagai memuliakannya termasuk uri, ia perlu dibersihkan dan ditanam di tempat yang terpelihara daripada laluan manusia atau dari dimakan haiwan. Perbuatan menanam uri beserta apa-apa bahan atau alat dengan tujuan mengelak bencana atau mendatangkan manfaat adalah tidak bertepatan dengan syarak. [Rujukan Mughni Muhtaj (1/518-519)]

JABATAN PEMATUHAN SHARIAH

TENTANG KAMI

Sebagai sebuah Hospital Patuh Shariah yang mematuhi standard MS 1900-2014, Jabatan Pematuhan Shariah telah dibentuk. Jabatan ini merangkumi tiga Pegawai Pematuhan Shariah yang bertugas secara sepenuh masa di Hospital An-Nur yang dipantau oleh Majlis Penasihat Shariah yang terdiri daripada lima orang pakar. Mereka ialah:

- 1- Ustazah Dr. Anisah Abd Ghani
(Pakar Rujuk Bidang Fiqh Ibadah dan Fiqh Kepenggunaan)
- 2- Ustazah Dr. Shamsiah Mohamad
(Pakar Rujuk Bidang Fiqh Perbankan dan Kewangan, Penasihat Syariah Bank Negara)
- 3- Ustaz Burhanuddin Lukman
(Pakar Rujuk Bidang Syariah dan Kewangan, Penasihat Shariah Bank Negara)
- 4- Prof. Dr. Amir Husin Mohd Nor
(Pakar Rujuk Bidang Syariah dan Undang-Undang, USIM)
- 5- Prof. Dr. Abdul Rashid Abdul Rahman
(Pakar Rujuk Bidang Perubatan dan Farmakologi, Pengarah Perubatan HPAN)

CONTACT US



FIND US

AN-NUR SPECIALIST HOSPITAL
Jalan Gerbang Wawasan 1, Seksyen 15,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.



CALL US

03-8923 5609



FAX US

03-8923 5690



MAIL US

customerservice@annur.migh.com.my



VISIT US

annurspecialisthospital.migh.com.my

FB : annurspecialisthospital

IG : annurspecialisthospital

FIQH DARAH WANITA & SUNNAH KELAHIRAN DALAM ISLAM



686929-H
HOSPITAL PAKAR
AN-NUR
SPECIALIST HOSPITAL
(A MEMBER OF MEDIC IQ HOLDINGS SDN BHD)



SEMASA KEHAMILAN

Sesetang wanita mengalami pendarahan semasa tempoh kehamilan sama ada di awal ataupun akhir tempoh kehamilan. Persoalan yang timbul, sama ada darah tersebut dikira sebagai darah haid atau pun tidak?

Pendapat yang lebih kuat menyatakan bahawa darah yang keluar dalam tempoh kehamilan bukanlah darah haid, tetapi darah *istihadah*/darah penyakit. Wanita yang mengalami pendarahan dalam tempoh ini perlulah membersihkan darah yang keluar setiap kali masuk waktu solat fardu. Berwuduk dan beribadah seperti biasa. Wuduk sah untuk 1 solat fardu dan tiada limitasi untuk amalan sunat.

[Rujukan: *Darah Wanita, Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan, M/S 53-55*]

SEBELUM MELAHIRKAN

Pada saat hampir melahirkan dan telah ada tanda-tanda hampir melahirkan atau dipanggil ‘*birth show*’ seseorang akan mula mengalami pendarahan. Adakah ini dikira sebagai nifas? Jawapannya, tidak.

Nifas hanya bermula selepas bayi telah sempurna dilahirkan. Selagi bayi belum dilahirkan, darah yang keluar dikira sebagai darah fasad dan ibu tersebut perlu beribadah seperti biasa. Sama ada bangun berwuduk atau berwuduk menggunakan ‘*spray*’ di pembarangan dan beribadah seperti biasa. Sekiranya tidak mampu, solat perlu diganti (*qadha*) setelah selesai mandi hadas suci dari darah nifas.

Semasa Hamil	Sebelum Melahirkan	Selepas Melahirkan
Darah <i>Istihadah</i>	Darah <i>Istihadah</i>	Darah Nifas
Membersihkan darah yang keluar setiap kali sebelum berwuduk untuk menunaikan solat dan beribadah seperti wanita suci yang lain	Mandi hadas setelah suci dari darah. Maksimum 60 hari. Selebihnya dikira darah <i>istihadah</i>	

SELEPAS MELAHIRKAN

Darah yang keluar selepas bayi dilahirkan dinamakan sebagai darah nifas. Tempoh minimum darah ini keluar hanyalah seketika waktu, manakala maksimumnya selama 60 hari. Wanita yang melahirkan dan tiada lagi darah yang keluar selepas itu hendaklah mandi hadas dan beribadah sebagai mana wanita suci yang lain. Sekiranya darah terhenti-henti dalam tempoh 60 hari, masih dikira nifas. Sekiranya terhenti melebihi 15 hari, darah yang keluar selepas itu dikira sebagai darah untuk kitaran haid yang baru.

SUNNAH MENYAMBUT KELAHIRAN

AZAN DAN IQAMAH

Azan di telinga kanan dan Iqamat di telinga kiri. “Rasulullah SAW membaca azan di telinga Hasan bin Ali setelah Fatimah melahirkannya dengan azan untuk solat”

[HR Ahmad dan At-Tirmidzi]

TAHNIK

“...baginda menamakannya Ibrahim kemudian menyuaipinya dengan sebutir kurma dan mendoakan keberkatan padanya..”

[HR Bukhari dan Muslim]

Tahnik dilakukan dengan melembutkan isi kurma di hujung jari dan menyapukannya di lelangit dan pipi bayi lalu mendoakan keberkatan padanya. Sekiranya tiada kurma, ia boleh digantikan dengan sesuatu yang manis seperti madu.

MEMBERI NAMA

Salah satu hak ibubapa terhadap anaknya adalah memberikan nama yang baik. Rasullullah SAW bersabda:” Sesungguhnya kamu semua akan dipanggil pada hari kiamat kelak dengan nama kamu dan nama bapa-bapa kamu, oleh itu perelokkan nama kamu”

(HR Abi Dawud no. 4948)

KHATAN

Berkhatan adalah salah satu sunnah yang perlu dilaksanakan ke atas bayi lelaki dan perempuan. Ini bertepatan dengan hadis Rasullullah SAW, beliau bersabda: Daripada 5 perkara fitrah adalah: berkhatan, memotong bulu kemaluan, memotong kuku, mencabut bulu ketiak, dan memotong kumis. Majlis Penasihat Syariah Hospital Pakar An-Nur berpendapat bahawa berkhatan bagi anak lelaki adalah wajib manakala anak perempuan adalah harus.

AQIQAH

Menyembelih binatang ternakan (Al-An’am) iaitu 2 ekor kambing bagi anak lelaki dan 1 ekor kambing bagi anak perempuan. Sekiranya tidak mampu, cukup dengan seekor kambing bagi anak lelaki atau perempuan atau satu bahagian daripada seekor lembu.

Hukum: Sunat Mu’akkad pada hari ketujuh.